# Kisah Kejayaan (Oktober - Disember 2014) PI KPG.HILIR MALUDAM

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT |
|---|---|
| **Name of PI<br>Nama PI** | Pusat Internet Kg. Hilir Maludam |
| **Location<br>Lokasi** | Kpg Maludam Pusa, Betong Sarawak |
| **Name of person(s)<br>Nama** | Shahira Binti Suboh |
| **Details of person (s)<br>Butiran diri** | **UMUR**: 15 Tahun<br>**JANTINA**: Perempuan<br>**TAHAP PENDIDIKAN:** Rendah<br>**PEKERJAAN**: -<br>**FACEBOOK: (Dalam proses pembelajaran)** |
| **Success story<br>Kisah kejayaan** | ***1. How did you use the internet to achieve your success, please elaborate your story<br>Bagaimana anda menggunakan internet untuk mencapai kejayaan anda, sila huraikan cerita anda***<br><br>▪ Saya agak istimewa daripada remaja biasa. Saya mempunyai masalah kesukaran untuk menerima dan memahami sesuatu yang dipelajari tetapi aktif dalam pergerakan. Oleh kerana sukar untuk menerima pembelajaran, saya hanya bersekolah setakat darjah 6 memandangkan keluarga saya tidak mampu untuk menghantar saya di sekolah khas dimana lokasinya agak jauh dari tempat tinggal saya.<br>▪ Menyedari penubuhan Pusat Internet ditempat saya, sedikit sebanyak mendatangkan perasaan cemburu dihati saya apabila melihat rakan-rakan sebaya saya bahkan ada yang jauh lebih muda daripada saya mampu menggunakan komputer yang ada. Saya selalu berkunjung di PI untuk melihat aktiviti yang sedang dijalankan. Apabila melihat kelas komputer |

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT |
|---|---|
| | dijalankan, saya menjadi teruja dan menyatakan hasrat untuk mengikuti kelas tersebut. Pada mulanya ibu melarang keras saya mengikuti kelas tersebut kerana khuatir akan dikenakan bayaran yang mahal tetapi akhirnya bersetuju setelah mengetahui bahawa saya hanya perlu berdaftar sebagai ahli dengan bayaran RM5 sahaja. Menyedari hakikat bahawa saya seorang "slow learner" petugas PI telah memasukkan saya dalam kelas bersama dengan pelajar-pelajar sekolah rendah. Tetapi apabila melihat potensi yang saya ada, saya telah dipindahkan dalam kelas dengan rakan-rakan sebaya saya. Saya telah dilatih bersama dengan pelajar-pelajar yang normal dan saya telah buktikan bahawa saya juga mampu untuk belajar seperti mereka walaupun penerimaan saya yang agak lambat.<br><br>***2. How did your life improved after learning how to use the internet***<br>***Bagaimana anda memperbaiki hidup anda setelah mempelajari cara penggunaan internet.***<br>▪ *Setelah mengenali internet, perasaan ingin tahu dan belajar lebih lagi semakin membara didalam hati. Setiap hari saya akan pergi ke PI walaupun ketika tiada kelas. Petugas PI akan mendedahkan saya dengan dunia teknologi. Keterujaan semakin membara apabila mengenali Facebook yang sungguh menarik minat saya. Bahkan bukan itu sahaja, saya boleh melihat apa sahaja yang diinginkan melalui aplikasi youtube. Kini saya tahu betapa tingginya nilai pembelajaran, jangan fikirkan* |

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT |
|---|---|
| | *tahap kemampuan kita tetapi semangat juang dan ingin belajar itulah yang lebih penting.* |
| **Keterangan gambar<br>Photo caption** | ***Describe activity and person(s) in every photo provided<br>Huraikan aktiviti dan orang pada setiap gambar yang telah disediakan.***<br><br>▪ Inilah saya:<br><br>**Gambar 1:<br>Aktiviti kelas**<br><br> |

<table>
<tr><th>ITEM<br>JENIS</th><th>INFORMATION<br>MAKLUMAT</th></tr>
<tr><td></td><td></td></tr>
<tr><td>Photo caption names<br>Keterangan gambar berserta nama</td><td>-Tiada-</td></tr>
<tr><td>Feedback<br>Maklumbalas</td><td>1. What was your first impression towards PI?<br>Apakah pandangan pertama anda terhadap PI?<br><br>▪ Pandangan pertama terhadap PI Kg.Hilir Maludam adalah sangat menarik, kemas, selesa dan bersih. Ia ibarat sebuah sekolah bagi saya.<br><br>2. What attracted you to come and use the facilities in PI?<br>Apakah tarikan utama anda untuk datang dan menggunakan kemudahan di PI?<br><br>▪ Tarikan utama untuk datang dan menggunakan kemudahan di PI sekaligus mengikuti kelas komputer yang dijalankan. Ianya sangat memberangsangkan dan saya sangat teruja setiap kali menghadiri kelas.<br>▪ Suasana yang membuatkan ramai kanak-kanak/ pelajar yang suka berkunjung disini.<br>▪ Selain itu, dengan adanya buku-buku ilmiah, komik dan</td></tr>
</table>

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT |
|---|---|
| | majalah yang disediakan ianya melengkapi semua keperluan yang diperlukan.<br><br>3. ***How can PI help others to be successful?***<br>***Bagaimanakah cara PI dapat membantu bagi mencapai kejayaan individu/kumpulan lain?***<br><br>▪ PI menyediakan latihan dan kursus ICT yang banyak memberikan faedah kepada pengunjung.<br>▪ PI turut membantu usahawan tempatan dalam mempromosi dan memperkenalkan produk tempatan.<br>▪ PI juga menyediakan perkhidmatan –perkhidmatan lain seperti fotostat, leminate dan sebagainya.<br>▪ PI ibarat sekolah dengan adanya petugas-petugas yang memberi tunjuk ajar,bahan-bahan ilmiah dan komik-komik, majalah dan sebagainya.<br>4. ***Can you suggest improvement to be made to PI? (facilities, training activities, promotions, etc)***<br>**Berikan cadangan dan pandangan bagi menambahbaik PI? (kemudahan, aktiviti latihan / kursus, promosi dan lain-lain.**<br><br>**Dari segi kemudahan:**<br>▪ Menyediakan capaian internet yang lebih laju untuk kepuasan pengguna. |

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT |
| --- | --- |
| | ▪ **Aktiviti latihan/kursus/promosi DLL**:<br>▪ PI terus menyediakan pelbagai latihan/kursus yang bermanfaat terutamanya bagi para usahawan dalam membantu mereka meningkatkan lagi perniagaan dan mempelbagaikan latihan yang ada.<br>**Cadangan:**<br>Diharapkan program ini dapat di teruskan. |
| | |

**PLEASE SUBMIT FULL WRITTEN SUCCESS STORY (MINIMUM 1 PAGE) & PHOTOS BASED ON THIS GUIDE TO THE CONTENT APPLICATION DEVELOPMENT DEPARTMENT**

**SILA KEMUKAKAN KISAH KEJAYAAN SECARA BERTULIS (MINIMUM 1 MUKA SURAT) & GAMBAR-GAMBAR BERDASARKAN PANDUAN YANG DIBERIKAN DAN DIHANTAR KE JABATAN PEMBANGUNAN APLIKASI KANDUNGAN**